



# PELAN TINDAKAN INOVASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR

TAHUN  
2021 - 2023





# PELAN TINDAKAN INOVASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR

TAHUN  
2021 - 2023



# Isi Kandung

<b>1</b>	<b>Perutusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>4</b>
<b>2</b>	<b>Pengenalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>5</b>
<b>3</b>	<b>Hala Tuju Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>5</b>
<b>4</b>	<b>Pengurusan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>6</b>
	▶ Pengenalan	6
	▶ Definisi Inovasi	6
	▶ Objektif Pelan Tindakan Inovasi	7
	▶ Struktur Jawatankuasa Pemandu Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	7
	▶ Tugas & Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	8
<b>5</b>	<b>Pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>9</b>

# Perutusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



**Dengan penghasilan pelan ini, saya percaya organisasi dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan secara berterusan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang menuju ke arah matlamat Negeri Pintar (*Smart State*).**



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadirat Allah s.w.t kerana Pelan Tindakan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2021 – 2023 dapat dihasilkan dan didokumentasikan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama semua pihak yang memberikan komitmen penuh dan atas usaha-usaha berterusan bagi penghasilan dan penerbitan Pelan Tindakan Inovasi ini.

Pelan ini menggariskan tiga teras, lapan strategi inovatif dan 19 pelan tindakan inovasi berlandaskan kepada halatuju Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di samping mendukung hasrat kerajaan ke arah Revolusi Industri 4.0. Ianya merupakan kesinambungan pelan terdahulu, yang akan membantu organisasi untuk melaksanakan transformasi minda, cara bekerja serta penghasilan inovasi baharu bagi berdepan dengan pelbagai cabaran dan perubahan global yang kompleks. Dengan penghasilan pelan ini, saya percaya organisasi dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan secara berterusan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang menuju ke arah matlamat Negeri Pintar (*Smart State*).

Akhir kata, diharapkan semua warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dapat menghayati setiap intipati yang terkandung di dalam pelan ini dan memberikan komitmen sepenuhnya dalam menzahirkan setiap teras serta langkah inovatif yang telah dirancang demi menjadikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah agensi kerajaan yang unggul dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Sekian.

**DATU' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA**  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

# Pengenalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah sebuah sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor juga berfungsi dan memainkan peranan penting bagi memastikan perancangan dan dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan efektif.

Pelbagai cabaran dan persaingan dihadapi oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada warga kerja dan pelanggan. Pelan Tindakan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2021 - 2023 dibentuk dan dibangunkan sebagai salah satu usaha jabatan dalam memastikan segala perancangan program/aktiviti dapat dilaksanakan pada tahap terbaik mengikut sasaran yang telah ditetapkan.

# Hala Tuju Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



# Pengurusan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

## PENGENALAN

Peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam menyokong dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri kini semakin mencabar berikutan perubahan dalam persekitaran ekonomi, sosial dan teknologi.

Justeru itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor perlu bersedia dengan pemikiran serta pendekatan yang terkini untuk berdepan dengan isu-isu kompleks yang semakin meningkat termasuk tekanan demografi, kekangan fiskal serta peningkatan ekspektasi rakyat dan komuniti perniagaan.

Antara pendekatan yang diambil oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor untuk berhadapan dengan cabaran di atas adalah melalui pendekatan penyelesaian secara inovatif bagi isu-isu yang bersifat multidimensi dijangka akan memberikan kepuasan kepada rakyat negeri Selangor secara keseluruhannya.

## DEFINISI INOVASI

Inovasi merupakan suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan. Dalam konteks sektor awam inovasi bermaksud sesuatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada keadaan sedia ada.

## BIDANG INOVASI

### Inovasi Sosial

Bidang inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat

### Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan

## KATEGORI INOVASI

### Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan

### Inovasi Penambahbaikan

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing



## OBJEKTIF PELAN TINDAKAN INOVASI



## STRUKTUR JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR





## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR






# Pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi

## Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



## REVOLUSI INDUSTRI 4.0/ MISI TERAS NASIONAL





## TERAS STRATEGIK 1



### Mempertingkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif

STRATEGI INOVATIF	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BIL/ PERATUS)	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Pemantapan pengurusan inovasi organisasi	Pelaksanaan mesyuarat pemantauan Jawatankuasa Pemandu Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bilangan mesyuarat	2 kali setahun	Bahagian Korporat
	Pelantikan Penyelaras Inovasi Bahagian/ Seksyen/ Unit	Bilangan penyelaras inovasi	1 orang bagi setiap Bahagian/ Seksyen/ Unit	Bahagian Korporat
Pemantapan pengurusan idea warga dan pelanggan	Hebahan Bicara Inovasi	Kekerapan hebahan	1 kali sebulan	Bahagian Korporat
	Program Kesedaran / Taklimat / Bengkel Inovasi	Bilangan program	1 program	Bahagian Korporat
	Program Cetusan Idea Inovasi	Bilangan program	1 program	Bahagian Korporat
	Pelaksanaan Kaji Selidik Kefahaman Warga Kerja	Bilangan kekerapan	1 kali setahun	Bahagian Korporat
Pemantapan amalan inovasi warga kerja	Penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Bilangan kumpulan inovasi aktif	9 kumpulan	Semua Bahagian/ Seksyen/ Unit
	Pelaksanaan Program Coaching & Mentoring KIK	Bilangan program	1 program bagi setiap pertandingan	Bahagian Korporat

## TERAS STRATEGIK 2



### Menandaaras dan Menentuukur Keberkesanan Pembudayaan Inovatif dan Kreatif

STRATEGI INOVATIF	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BIL/ PERATUS)	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Penandaaras pencapaian inovasi	Penyertaan pertandingan inovasi	Bilangan penyertaan peringkat kebangsaan	Sekurang – kurangnya 1 penyertaan	Bahagian Korporat
	Pelaksanaan Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bilangan kekerapan	1 kali setahun	Bahagian Korporat
Persekitaran Mesra Inovasi	Penghasilan idea inovatif yang memberi impak kepada persekitaran dan teknologi	Bilangan projek	Sekurang – kurangnya 1 projek	Semua Bahagian/ Seksyen/ Unit projek
	Pewujudan Bank Inovasi	Bilangan bank	1 bank	Bahagian Korporat Bahagian Pengurusan Maklumat
Peningkatan hebahan inovasi	Mewujudkan ruang untuk mempromosikan hasil inovasi dalam Buletin	Bilangan kekerapan hebahan	1 kali setahun	Bahagian Korporat
	Menyediakan ruang hebahan dan perkongsian hasil inovasi dalam laman sesawang	Bilangan medium hebahan	1 medium hebahan dalam laman web	Bahagian Pengurusan Maklumat



## TERAS STRATEGIK 3



### Mengiktiraf dan Memberi Penghargaan Bagi Pencapaian Inovasi

STRATEGI INOVATIF	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BIL/ PERATUS)	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Pengembangan dan Pengkomersialan	Pendaftaran paten bagi projek inovasi yang berpotensi	Bilangan projek	Sekurang – kurangnya 5 projek	Bahagian Korporat
	Perluasan projek inovasi yang berpotensi dalam organisasi	Bilangan projek yang dikomersialkan/ diperluaskan	1 projek	Bahagian Korporat
Penganugerahan inovasi	Pengiktirafan Tokoh Inovasi	Bilangan tokoh	1 tokoh	Bahagian Korporat
	Pengiktirafan Inovasi Terbaik Tahunan	Bilangan inovasi	1 inovasi	Bahagian Korporat
	Pelaksanaan Majlis Apresiasi Inovasi	Bilangan program	1 program	Bahagian Korporat

## Rumusan

Bagi menjadikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah agensi yang mantap dan berdaya saing, usaha-usaha pembudayaan inovasi perlu diberikan keutamaan. Penyediaan Pelan Tindakan Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini merupakan satu bukti komitmen Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Selangor terhadap usaha pengukuhan perkhidmatan sektor awam. Kejayaan pelan ini bergantung kepada penglibatan seluruh warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor samaada pengurusan atasan ataupun sokongan.



# Catatan





## Catatan



**PELAN TINDAKAN INOVASI**  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR

BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : 03-5544 7000 | E-MEL : [webadmin@selangor.gov.my](mailto:webadmin@selangor.gov.my)

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)